

## AKTIVITI MISIONARI: ANTARA KEHENDAK PERLEMBAGAAN, PERINTAH BIBLE DAN REAKSI MUSLIM DI MALAYSIA

Mohamad Zaidi Abdul Rahman\*

### ABSTRACT

*This article will evaluate the status of religious propagation, which is embedded in Article 11(4) of the Malaysian Constitution. Historically, such provision can be traced back to its historical roots in the Malay states from the time of the British administration. Subsequently, it was extended into the Malaysian Constitution as stated under Article 11(4). This provision literally guarantees the rights of every person to propagate his/her religion but with a certain restrictive element excluding Muslims from being the target of other religions. However, such provision could be observed as being contrary to the preaching spirit of the Bible to all people including Muslims. Therefore, it is interesting to know what position the Christians in Malaysia take on an ethical question “who should be obeyed between God and man?” The answer may be critical, particularly concerning Christian-Muslim affairs in the Malaysian context.*

**Keywords:** constitution, Bible, Christian, discrimination, missionary, Muslim, religious rights

---

\* Senior Lecturer, Department of Siasah Syar‘iyyah, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, mzaidi@um.edu.my

## PENGENALAN

Kewujudan kerajaan Melaka bermula sekitar tahun 1400 membuka ruang pengiktirafan Islam sebagai agama rasmi. Keadaan ini tidak berlanjutan lantaran Melaka ditewaskan oleh Portugis pada tahun 1511 yang mempunyai beberapa tujuan, antaranya misi kristianisasi. Artikel ini menyorot kegiatan kristianisasi ini dari beberapa aspek iaitu aspek sejarah, peruntukan perlembagaan khususnya peruntukan 11(4), perintah Bible yang berkaitan dengan kristianisasi, diikuti kutipan beberapa pandangan dari pihak Kristian dan juga Islam yang menyentuh isu ini. Kutipan ini tentu sahaja sifatnya tidak mewakili keseluruhan pihak tetapi boleh dijadikan asas-asas awal menilai hubungan antara agama di Malaysia.

## LATAR BELAKANG KEGIATAN MISIONARI DI TANAH MELAYU

Dari segi sejarah, penempatan British di Pulau Pinang sekitar tahun 1790-an membawa kepada pengenalan agama Kristian dari pelbagai mazhab dan sekterian. Mazhab Protestan bagaimanapun dilihat lebih agresif penapakannya kerana dibantu oleh para mubaligh dari Barat termasuk dari British, Perancis dan juga Amerika. Sekiranya Portugis yang diidentitikan kepada Mazhab Katolik pada 1511 tidak meluaskan pintunya kepada Mazhab Protestan,<sup>1</sup> tetapi tidak begitu halnya bagi Kristian di bawah British. Seawal tahun 1809, melalui kewujudan Anglican (menjadi agama rasmi di England) diikuti senarai panjang kemudiannya dengan kehadiran Christian Brethren (1859), Presbyterian Church (1881), Basel Christian Church (1882), Methodist (1891), Evangelical Lutheran Church (1907), Seventh Day Adventist (1911), Mar Thoma Syrian Church (1926), True Jesus Church (1927), Borneo Evangelical Mission (1928), Assembly of God (1935), Pentecostal Church (1936), Christian Evangelical Commission (1951), Lutheran Church (1953), dan Malaysian Baptist Convention (1953).<sup>2</sup> Kehadiran pelbagai sekterian ini antara lain merupakan petunjuk wujudnya pasaran baru dengan peluang-peluang lebih cerah untuk usaha misionari kerana kawasan Tanah Melayu ketika itu statusnya dijajah atau dinaungi oleh British.

<sup>1</sup> Lihat Mohamad Zaidi Abdul Rahman (2008), “Impact of Religious Rights Policy Under the Colonial Powers toward Umma in Malaysian Context”, (International Seminar on Research in Islamic Studies 2008, di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 17-18 Disember 2008).

<sup>2</sup> Maureen K.C Chew (2000), *The Journey of the Catholic Church in Malaysia, 1511- 1996*. Kuala Lumpur: Catholic Research Centre, hh. 20-21.

Sehubungan dengan itu, misi-misi misionari digerakkan dengan gigih serta mendapat pula bantuan dari organisasi di peringkat antarabangsa. The London Missionary Society (LMS) misalnya bergiat cergas ketika itu untuk memantau kemajuan dan kejayaan misi-misi Kristian yang diusahakan ke atas penduduk tempatan mahupun pendatang khususnya di Negeri-Negeri Selat.<sup>3</sup> Lalu, gemblengan pelbagai metode dan mekanisma dimaksimakan bagi melihat apa yang menarik masyarakat kafir (*infidel communities*) untuk menganut agama Kristian.<sup>4</sup>

Bagaimanapun usaha-usaha mereka agak tersekat disebabkan wujud polisi tidak menggalakkan usaha misionari disebarluaskan di kalangan orang Islam. Polisi ini dikatakan hasil perjanjian berat sebelah tahun 1874 yang antara lain menyempitkan kuasa Raja Melayu dalam hal ehwal agama Melayu dan adat sahaja. Manakala urusan-urusan lain yang lebih besar Raja bertindak mengikut nasihat Residen British.<sup>5</sup>

Walaupun, polisi berbentuk sekatan ini wujud, namun kegiatan misionari masih diusahakan secara berterusan oleh sebahagian Mubaligh Kristian<sup>6</sup> termasuklah di kalangan orang Melayu sekaligus seolah-olah mencabar legitimasi polisi tersebut.<sup>7</sup> Lanjutan itu, sebahagian pegawai British Malaya bertindak menasihati<sup>8</sup> mereka agar mematuhi polisi tersebut dengan membiarkan komuniti Melayu dan pada sesetengah keadaan, termasuk orang

<sup>3</sup> Susan E.Ackerman dan Raymond L.M. Lee (1988), *Heaven in Transition: Non-Muslim Religious Innovation and Ethnic Identity in Malaysia*. Honolulu: University of Hawaii Press, h. 29.

<sup>4</sup> Micheal S. Northcott (1991), “Christian-Muslim Relations in West Malaysia,” *The Muslim World*, Vol.81, no. 1, hh. 50-53.

<sup>5</sup> Mohamad Zaidi (2008), *op.cit.* Lihat khususnya di bawah tajuk The British and the Umma (1786-1941).

<sup>6</sup> Di Sarawak, Rev. Francis Thomas McDougall dan penolongnya, Deacon William Bodham Wright dari Church of England pada pertengahan abad ke 19 telah cuba menarik semua bangsa dan suku kaum termasuk Melayu memeluk agama Kristian. Lihat perbincangan lanjut dalam Maria Perpetua Kana (2004), “Christian Mission in Malaysia: Past Emphasis, Present Engagement and Future Possibilities”, (Master of Philosophy, Australian Catholic University).

<sup>7</sup> *Ibid.*

<sup>8</sup> Thomas Beighton dari London Missionary Society contohnya telah disiasat oleh pegawai kerajaan mengenai kegiatan misionarinya di kalangan orang Melayu selepas Gabenor Pulau Pinang menerima bantahan daripada orang Melayu mengenai aktivitinya itu. Lihat Mohammad Redzuan Othman (2005), *Islam dan Masyarakat Melayu; Peranan Dan Pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hh. 17-18.

Asli<sup>9</sup> dengan agamanya. Pada sesetengah keadaan, mereka ditangkap<sup>10</sup> atau dihalau<sup>11</sup> keluar dari negeri oleh pegawai kerajaan kerana masih meneruskan aktiviti misionari di kalangan komuniti orang Islam.

Polisi demikian secara umumnya memberi kesan pengenalan identiti agama masyarakat di Tanah Melayu. Sehingga abad ke 20, komuniti penganut Kristian adalah gabungan antara bangsa koloni dan juga pendatang dari kalangan bangsa Cina dan India<sup>12</sup> manakala bangsa Melayu pula hampir kesemuanya bukan beragama Kristian.<sup>13</sup> Corak begini berlaku menurut Browne adalah kerana faktor halangan agama Islam itu sendiri khususnya mengenai peruntukan hukuman bunuh bagi jenayah murtad.<sup>14</sup> Bagaimanapun, undang-undang itu menurutnya hanyalah menjadi cebisan kertas teori di kebanyakan negara Islam kerana antara sebabnya status orang Islam telah berubah menjadi minoriti di bawah pemerintahan Kristian.<sup>15</sup>

Secara ringkas, Tanah Melayu semasa di bawah pengaruh British, kegiatan keagamaan dibenarkan untuk diamalkan dalam masyarakat pelbagai agama. Setiap agama telah dibenarkan untuk mengurus aktiviti keagamaan dan mentadbir rumah ibadat masing-masing. Bagaimanapun pihak British mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi di negeri-negeri Tanah Melayu<sup>16</sup> di

<sup>9</sup> Pihak British secara umumnya mengiktiraf bahawa orang Asli mempunyai pertalian istimewa dengan Raja-Raja Melayu. Lihat Gordon P. Means (1985-1986), "The Orang Asli: Aboriginal Policies in Malaysia", *Pacific Affairs* 58, no. 4, h. 639.

<sup>10</sup> *Ibid.*, h. 642. Pada November 1936, Napitupulu (*Methodist missionary*) contohnya telah ditahan oleh Pegawai kerajaan di Perak atas sebab kegiatan agresifnya menyebarkan Kristian di kalangan orang Asli.

<sup>11</sup> J. Moore seorang misionari contohnya telah diusir keluar daripada Melaka oleh Pegawai British pada akhir abad ke 19. Lihat Mohammad Redzuan Othman (2005), *op.cit.*, h.18.

<sup>12</sup> *Ibid.*, h. 52.

<sup>13</sup> Kenneth Scott Latourette (1947), *A History of the Expansion of Christianity*, vol. vii. London: Eyre & Spottiswoode, h. 324.

<sup>14</sup> Laurence E. Browne (1936), *Christianity and the Malays*. London, S.P.G & S.P.C.K., hh. 52-62.

<sup>15</sup> *Ibid.*, hh. 63-64.

<sup>16</sup> Bagaimanapun polisi ini juga boleh dianggap sesuatu yang merugikan kekuasaan Raja-Raja Melayu di bawah pentadbiran British. Ini kerana Mahkamah untuk orang Islam hanyalah mempunyai kuasa perundangan yang sangat kecil. Lihat komen Means tentang kedudukan Islam khususnya di bawah tajuk "Islamic Law and Administration Under Colonial Rule" dalam Gordon P. Means (1969), "The Role of Islam in the Political Development of Malaysia", *Comparative Politics*, vol. 1, No.2, hh. 264-284.

mana ia telah memberi kesan kepada hak menyebarluaskan agama terhadap orang Islam. Mungkin polisi ini secara luarannya membantu mengekalkan identiti Muslim di samping faktor agama itu sendiri dari menganut agama lain (murtad).

### **SELEPAS MERDEKA: HAK MENYEBAR AGAMA PERUNTUKAN 11(4) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

Dari sudut perlembagaan, penyebarluasan agama adalah satu dari bahagian hak-hak beragama yang telah dijamin kepada setiap individu sebagaimana yang tercatat dalam Peruntukan 11(1) Perlembagaan Persekutuan. Bagaimanapun, Peruntukan ini sendiri membenarkan hak tersebut dibataskan dari disebarluaskan di kalangan orang Islam<sup>17</sup> atau untuk tujuan menjaga keselamatan awam, kesihatan atau moral<sup>18</sup> sekaligus statusnya tidaklah mutlak. Oleh itu, aktiviti-aktiviti misionari dibenarkan tetapi di satu segi lainnya ia tidak membabitkan orang Islam.

Peruntukan ini boleh dikatakan sebagai produk dari legasi sejarah sosial yang ditinggalkan oleh penjajah terutamanya oleh British. Tujuannya boleh dihujahkan untuk menghindar masyarakat Melayu dari ancaman keruntuhan identiti dirinya. Untuk itu, kewujudan polisi berbentuk ‘preservation’ dan ‘protection’ mungkin boleh memastikan orang Melayu mengekalkan cara hidup tradisi mereka. Sehubungan dengan itu, Means menyimpulkan polisi ini memberi kesan psikologi kepada orang Melayu untuk merasa negeri ini negeri mereka di sebalik lambakan golongan pendatang dari tanah China dan India.<sup>19</sup> Kenyataannya itu yang mengaitkan unsur psikologi atas ancaman kebanjiran pendatang mungkin memberi inspirasi politik kepada pihak British untuk menwujudkan kestabilan dengan ‘gula-gula perlindungan’ tetapi pada masa yang sama matlamat ekonomi menjadi tumpuan. Jelaslah matlamat serampang dua mata itu meninggalkan kesan kepada pembentukan masyarakat Malaysia di kemudian harinya.

Bagaimanapun, polisi ini telah disalurkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan melalui Suruhanjaya Perlembagaan yang diketuai oleh Lord Reid. Semasa draf Peruntukan 11(4) dibentangkan pada peringkat Badan

<sup>17</sup> Article 11(4) Perlembagaan Persekutuan berbunyi: ‘*State law and in respect of the Federal Territories of Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya, federal law may control or restrict the propagation of any religious doctrine or belief among persons professing the religion of Islam.*’

<sup>18</sup> Peruntukan 11(5) Perlembagaan Persekutuan.

<sup>19</sup> Means (1969), *op.cit.*, h. 276.

Perundangan Persekutuan (*Federal Legislative Council*), hanya sedikit perhatian diberikan kepada kewujudan Peruntukan ini. Abdul Karim misalnya cuba mempertikaikan semangat Peruntukan 11(4) ini kerana katanya menyekat kebebasan Muslim untuk mengikut Mazhab lain. Sebagai respon kepada soalan ini, Abdul Razak yang mewakili Parti Kerajaan menyatakan bahawa peruntukan itu untuk memberi kuasa kepada Raja-Raja sebagai ketua agama Islam bagi melindungi kepentingan agama Islam dari dicemari oleh ajaran-ajaran yang bertentangan dengannya.<sup>20</sup> Kenyataannya ini membayangkan usaha menjaga agama Islam telah diinstitusikan kepada Raja-Raja bagi memandu masyarakat mengikut kehendak dasar-dasar Islam. Salah satu ancaman kepada Islam sebenar ialah melalui usaha penyebaran agama-agama, baik bersumberkan ajaran Islam (khasnya bukan Sunni dan bukan Mazhab Syafii) atau agama-agama yang lain.

Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan, alasan menjustifikasi polisi berbentuk sekatan ini mempunyai jawapan yang berbeza-beza. Hickling berpendapat bahawa peruntukan itu adalah untuk menjaga pegangan orang Islam dari doktrin sesat dan ajaran salah.<sup>21</sup> Sementara Tun Abbas Salleh menegaskan puncanya kerana kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan. Dengan kedudukan itu, orang Islam perlu dilindungi dari didedahkan kepada ajaran-ajaran menyeleweng, baik ianya dari sumber Islam maupun tidak.<sup>22</sup>

Harding bagaimanapun lebih suka menghubungkan peruntukan itu dengan keperluan menjaga ketenteraman awam berbanding memberi keutamaan kepada agama Islam yang membawa kepada terpeliharanya kestabilan sosial sekalipun peruntukan demikian dilihat bertentangan dengan semangat kebebasan beragama.<sup>23</sup> Faruqi yang kelihatannya menyetujui asas menjaga ketenteraman awam berhujah lanjut dengan mengaitkan pula identiti Melayu yang bersatu dalam tiga asas; iaitu agama, adat dan bahasa. Percubaan melemahkan agama orang Melayu baginya mungkin dilihat sebagai tindakan

<sup>20</sup> Kenyataan ini dinyatakan oleh Abdul Razak iaitu salah seorang dari parti memerintah yang kemudiannya telah menjadi Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Dalam hal ini beliau menjelaskan maksud klausu (4) Peruntukan 11 di perbahasan Parliment sebelum merdeka.

<sup>21</sup> R.H. Hickling (1991), *Essays in Malaysian Law*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications, h. 130.

<sup>22</sup> Mohd. Salleh bin Abbas (1986), "Traditional Elements of the Malaysian Constitution," dalam F.A. Trindade dan H.P.Lee (eds), *The Constitution of Malaysia: Further Perspective and Development*. Singapore: Oxford University Press, Chapter 1.

<sup>23</sup> Andrew Harding (1996), *Law, Government and the Constitution in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal, hh. 2011-2012.

menghakis kuasa bangsa Melayu.<sup>24</sup> Keadaan ini boleh berlaku melalui kegiatan penyebaran agama bukan Islam yang akan membawa kesan murtad seterusnya memberi implikasi terhadap fakta undang-undang yang menyentuh definisi Melayu pada Peruntukan 160(2).<sup>25</sup> Walau apa pun penjelasan tentang tujuannya, yang pasti sebagaimana yang diungkap oleh Bari tujuan akhirnya masih lagi menyebelahi Islam, secara kebetulan pula ia selaras dengan sejarah dan realiti sosio-politik negeri ini.<sup>26</sup> Tambahan pula, penjelasan-penjelasan seperti di atas boleh dihubungkan secara perlembagaan melalui Peruntukan 3(1) yang jelas menyebelahi Islam serta Peruntukan 11(5) yang antara lainnya adalah untuk menjaga ketenteraman awam.

Dengan karakter menyebelahi Islam, Peruntukan 11(4) dinilai oleh sesetengah sarjana sebagai memberi layanan tidak sama rata<sup>27</sup> dan juga dilihat bertentangan dengan semangat kebebasan beragama<sup>28</sup> atau dengan bahasa lain membenarkan diskriminasi. Hal ini boleh diibaratkan kepada pendakwah Islam bahawa Peruntukan 11(4) memberi sepenuh hak untuk melaksanakan tugas itu tanpa batasan. Pada masa yang sama, Peruntukan 11(4) menegaskan bahawa aktiviti-aktiviti misionari menjadi hak mereka tetapi tidak ditujukan kepada orang Islam. Oleh yang demikian, diskriminasi yang mereka katakan adalah berbentuk jumlah sasaran yang lebih sedikit diperolehi berbanding lawan mereka pendakwah Islam. Secara matematiknya<sup>29</sup> mengikut perlembagaan, Mubaligh Kristian sebagai contoh, boleh menyebarkan agamanya di kalangan

<sup>24</sup> Shad Saleem Faruqi (1992), “The Human Rights and Constitutional Perspective”, *INSAF XXI*, no. 1, h. 13.

<sup>25</sup> Article 160(2) mentafsirkan: “*Malay means a person who professes the religion of Islam, habitually speaks the Malay language, conforms to Malay custom and a) was before Merdeka Day born in the Federation or in Singapore or born of parents one of whom was born in the Federation or in Singapore, or is on that day domiciled in the Federation or in Singapore; or b) is the issue of such a person.*”

<sup>26</sup> Abdul Aziz Bari (2003), *Malaysian Constitution: A Critical Introduction*. Kuala Lumpur: The Other Press, h. 157.

<sup>27</sup> Lihat Wu Min Aun dan R.H. Hickling (2003), *Hickling's Malaysian Public Law*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia, h. 110, Shad Saleem Faruqi, “Constitutional Perspectives on Freedom of Religion, Secularism and Theocracy”, dalam Ibrahim Abu Shah (ed) (1992), *Islam, Democracy and Good Governance-the Malaysian Experience; Essays in Honour of Tun Dr. Mahathir Mohamad*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, h. 81.

<sup>28</sup> Harding (1996), *op.cit.*, h. 202.

<sup>29</sup> Angka ini berasaskan banci tahun 2000 tetapi bilangan ini mengecualikan bukan warga Malaysia. Lihat Swee-Hock (2007), *The Population of Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, h. 77.

rakyat Malaysia (tidak termasuk Kristian dan orang Islam) sekitar kira-kira 6.98 juta sahaja. Sebaliknya angka itu berganda kepada 18.9 juta (dengan mengecualikan pengikut Kristian) jika sekatan itu ditiadakan.

Alasan-alasan seperti yang dibincangkan di atas sama ada sebab keselamatan atau keistimewaan Islam atau gabungan antara keduanya, memperlihatkan kerajaan mempunyai legitimasi untuk campur tangan dalam hal ehwal agama yang mana tindakan ini agak bertentangan dengan semangat sekular yang menjadi amalan di kebanyakan negara Barat. Melalui Peruntukan 11(4), kerajaan akan dilihat sebagai pelindung kepada kepentingan orang Islam. Selaras dengan itu, ia membenarkan kerajaan bertindak untuk menyekat peluang-peluang yang boleh memurtadkan orang Islam seterusnya dapat mengekalkan identiti Islam mereka. Bagaimanapun, kesan demikian tidak dinikmati oleh agama-agama lain yang perlu menggembung usaha secara persendirian untuk mengekalkan identiti agama atau meningkatkan jumlah pengikut mereka.

## ANTARA BIBLE DAN UNDANG-UNDANG

Bagi pengikut Kristian, Kitab Bible sangat dipercayai mempunyai arahan-arahan benar dari Tuhan. Perintah ini mesti disebarluaskan di kalangan manusia di seluruh dunia. Berhubung dengan kenyataan ini, New Testament mempunyai banyak aksiom yang secara langsung menyarankan agar dilakukan aktiviti misionari kepada seluruh dunia.<sup>30</sup> Sebagai contoh, dalam The Books menyatakan keperluan menyebarkan ajaran Jesus Christ adalah *Lord* bagi membolehkan manusia memasuki ‘*the kingdom of God*’.<sup>31</sup> Kenyataan ini memaparkan wujud kemungkinan yang kuat tentang kebenaran eksklusif yang mana ia membawa kepada tanggungjawab untuk melaksanakan misionari kepada seluruh manusia.

Berinspirasikan arahan Bible, gereja-gereja di Malaysia berusaha untuk melaksanakan arahan menyebar agama mereka. Sebagai contoh, mereka merujuk kepada mesej dari Mark (16:15) untuk memenuhi perintah Tuhan dengan menyebarkan gospel ke seluruh dunia. Pimpinan Kristian Malaysia iaitu Wong King Kong<sup>32</sup> menggunakan petikan itu untuk menegaskan

<sup>30</sup> Arthur F. Glasser (2000), “Biblical Theology of Mission”, dalam A. Scott Moreau (ed), *Evangelical Dictionary of World Missions*. Michigan: Baker Books.

<sup>31</sup> *Ibid.*, h. 129.

<sup>32</sup> Beliau adalah Secretary-General bagi the National Evangelical Fellowship (NECF) Malaysia dan juga the Elder of Diakonia Christian Church, Rawang. Lihat Edmund Ng, Tan Jin Huat dan Wong Kim Kong (eds.)(2000), *Watchmen’s Forum 2*, Petaling Jaya: NECF Research Commission, h. 144.

tanggungjawab agama terhadap gereja tentang arahan tersebut.<sup>33</sup> Oleh itu, manusia tanpa terkecuali adalah sasaran yang mesti didekati untuk disebarajaran dan arahan yang terkandung dari Bible.

Di bawah naungan Perlembagaan Malaysia bagaimanapun, wujud pertentangan dengan arahan-arahan sebagaimana perintah yang diperolehi dari Bible seperti di atas. Keadaan ini dikomen oleh Ng Kam Weng<sup>34</sup> bahawa orang Kristian patut patuh terhadap perintah ‘*the Great Commission*’. Tetapi pada masa yang sama mereka juga perlu ingat larangan yang wujud dari enakmen-enakman mengenai sekatan agama bukan Islam yang masih belum diuji kesahannya yang juga patut mereka elakkan dari dilanggar secara terang-terangan.

Dalam situasi delima ini Weng mengajukan persoalan etik, siapakah yang patut dipatuhi antara Tuhan dan manusia (*who should be obey between God and Man?*),<sup>35</sup> tetapi tanpa jawapan yang tuntas. Selari dengan jawapan yang tidak jelas ini, Sadayandy (seorang Anglican Archdeacon asal Hindu) juga turut menyelami ketegangan ini berpunca dari konflik antara kehendak Bible dan larangan dari undang-undang buatan manusia.<sup>36</sup> Syukor Amin pula (seorang murtad) juga mempamerkan keprihatinan yang sama dengan memberi suatu ingatan bahawa orang Kristian Malaysia harus mempertimbangkan sama ada patut patuh pada Tuhan atau manusia yang mencerminkan halangan yang timbul dari sekatan itu.<sup>37</sup>

Untuk menghadapi kemelut ini, Tan Chee Khong<sup>38</sup> mencadangkan bahawa orang Islam patut dibiarkan dan tiada percubaan yang diusahakan

<sup>33</sup> Wong Kim Kong (2000), “The Church of Jesus Christ in Asia-Challenges and Responses”, dalam Edmund Ng, Tan Jin Huat dan Wong Kim Kong (eds.), *Watchmen’s Forum 2*. Petaling Jaya: NECF Research Commission, h. 74.

<sup>34</sup> Ng Kam Weng (2004), *Doing the Right Thing: A Practical Guide on Legal Matters for Churches in Malaysia*. Petaling Jaya: Kairos Research Centre Sdn. Bhd., h. 41.

<sup>35</sup> *Ibid.*

<sup>36</sup> Batumalai Sadayandy (1990), *A Malaysian Theology of Muhibbah; a Theology for a Christian Witnessing in Malaysia*. Kuala Lumpur, h. 147. Beliau mengungkapkan “*There seems to be tension between the Great Commandment and Great Commission and our political obligations. On the one hand we must be faithful to the Bible, but at the same time respect and love our neighbours’ need.*”

<sup>37</sup> Syukor Amin (1982), *Are Christians Ignoring the Malays?*. Leicester: Universities and Colleges Christian Fellowship, h. 4.

<sup>38</sup> Beliau pernah memegang jawatan sebagai ketua bagi Labour Party of Malaya. Beliau juga antara pengasas Parti Gerakan Rakyat Malaysia. Jawatannya dalam institusi agama adalah bekas ketua bagi Methodist Church. Lihat Raj Vasil (1987), *Tan Chee Khoon: An Elder Statesman*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.

untuk mengajak mereka memeluk agama yang lain. Bagaimanapun beliau sedar cadangan itu akan menyebabkan dirinya dituduh sebagai pengkhianat kepada pengembang agama Kristian.<sup>39</sup> Bagaimanapun, beliau merayu kepada Kristian Malaysia supaya tidak melanggar undang-undang buatan manusia sekalipun ianya tidak adil kepada mereka<sup>40</sup> dengan alasan bahawa mereka akan memulakan api di mana mereka sendiri tidak boleh untuk mengawal atau memadamnya. Bahkan menurutnya kerajaan juga akan sukar untuk mengawal keadaan ini.<sup>41</sup> Keprihatinannya itu turut dikongsi oleh Sadayandy dengan menasihatkan pengikut Kristian supaya menghormati perkara ini yang menyentuh keselamatan, kebimbangan dan aspirasi bangsa Melayu<sup>42</sup> yang memaparkan sikap keterbukaan terhadap realiti masyarakat perbagai agama yang wujud di Malaysia. Tetapi saranan beliau itu, masih di bawah naungan arahan Tuhan dengan menganjukkan fokus kepada Matthew (5:16 dan 13:44) yang menyarankan agar cara dakwah orang Kristian iaitu hidup dengan cara kehidupan Christ (*Christians' Dakwah is to live the life of Christ*)<sup>43</sup> yang boleh diartikulasikan melalui contoh kelakuan yang baik oleh pengikut Kristian tanpa melanggar undang-undang sedia ada. Idea beliau boleh dikatakan kompromi antara kehendak Tuhan supaya lakukan misionari tetapi dalam konteks Malaysia perintah itu dilakukan secara tidak langsung melalui contoh tauladan.

Masalah misionari ini pernah juga dibangkitkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohamed di Persidangan World Evangelical Fellowship. Beliau menyarankan agar jangan jalankan kegiatan mengembangkan agama hingga sampai membawa kepada konflik dan keganasan sekalipun perintah mengembangkan agama itu sebahagian dari tanggungjawab agama.<sup>44</sup> Beliau seterusnya menegaskan bahawa sensitiviti dan persepsi agama lain patut juga dipertimbangkan sebelum melaksanakan hak-hak beragama khususnya hak penyebaran sebagai langkah untuk mengelak ketegangan hubungan antara kumpulan-kumpulan agama.<sup>45</sup> Kenyataan beliau

<sup>39</sup> Tan Chee Khoon (1985), “Constitutional Provisions for Religious Freedom in Malaysia”, dalam Tunku Abdul Rahman Putra, *et al* (eds.), *Contemporary Issues on Malaysian Religions*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications, h. 31.

<sup>40</sup> *Ibid.*

<sup>41</sup> *Ibid.*

<sup>42</sup> Sadayandy (1990), *op.cit*, h. 148.

<sup>43</sup> *Ibid.*

<sup>44</sup> Anil Stephen (2001), “Malaysia: Muslim Leader Appeals to Evangelicals”, *Christianity Today*, <http://www.christianitytoday.com>, diakses pada 11 Februari 2010.

<sup>45</sup> *Ibid.*

mencerminkan tentang pengalaman Malaysia yang berhadapan dengan masalah berhubung hak beragama yang menuntut kelainan dari standard antarabangsa.

Kes Maria Hertogh pada Disember 1950 sebagai contoh, telah menimbulkan ketegangan di Singapura. Keputusan Mahkamah mengisyiharkan perkahwinan Maria dan pemelukan agama Islamnya tidak sah. Kevin dan Thio Li-Ann yang membuat rujukan kepada kes ini memberi satu *clue* bahawa orang Islam telah merasa agama Islam sedang diserang. Hal ini telah membangkitkan perasaan keagamaan yang kuat serta mecenangkan semangat anti penjajah di Singapura.<sup>46</sup> Bagaimanapun era selepas merdeka, perasaan diserang kerap kali timbul di kalangan majoriti orang Islam terutamanya menyentuh isu murtad. Isu ini kadang-kadang membawa emosi dan reaksi berlebihan di kalangan orang Islam di Malaysia sebagaimana yang telah berlaku pada masa yang lalu.

## AKTIVITI MISIONARI KE ATAS ORANG ISLAM

Ackerman membayangkan bahawa kerajaan yang membantu Islamisasi dan aliran Protestant yang agresif merupakan dua kumpulan yang mempunyai tradisi penyebaran agama yang kukuh di Malaysia.<sup>47</sup> Bagaimanapun beliau menegaskan bahawa dasar Islamisasi oleh kerajaan secara asasnya lebih menumpukan kepada memperkasakan kualiti keagamaan di kalangan komuniti Muslim berbanding usaha dakwah di kalangan bukan Islam kecuali kes di Sabah.<sup>48</sup> Kenyataan beliau itu disokong oleh Gabriel yang membuat pemerhatian bahawa di kalangan agama-agama bukan Islam, Kristian adalah yang paling komited untuk melakukan penyebaran agama<sup>49</sup> dengan mazhab Protestant menjuarai kegiatan ini.<sup>50</sup> Selain itu, ada juga yang mendakwa kewujudan kumpulan fanatik Kristian (yang sangat percaya bahawa *salvation* hanya ada pada agama Kristian sahaja) menyumbang kepada suburnya gerakan-gerakan misionari di kalangan bukan Kristian termasuk juga orang Islam.<sup>51</sup>

<sup>46</sup> Kevin YI Tan dan Thio Li-Ann (1997), *Constitutional Law in Malaysia and Singapore*, 2<sup>nd</sup> ed. Singapore: Butterworths Asia, hh. 878-879.

<sup>47</sup> Susan E. Ackerman (1993), “Rebuilding Sacred Worlds: Lay-Oriented Buddhist and Catholic Reformism in Malaysia”, *Sojourn* 8, no. 1, hh. 128-129.

<sup>48</sup> *Ibid.*, h. 129.

<sup>49</sup> Theodore Gabriel (1996), *Christian-Muslim Relations; a Case Study of Sarawak, East Malaysia*. Aldershot: Avebury, h. 84.

<sup>50</sup> Ackerman (1993), *op.cit.*, h. 129.

<sup>51</sup> Theresa E.E adalah seorang dari ahli Catholic Research Centre Kuala Lumpur. Beliau telah menulis satu artikel bertajuk The Multi-Ethnic Complexities of Malaysia, in *Inter-Religio* (1984). Artikel ini boleh diakses <http://www.nanzan-u.ac.jp/SHUBUNKEN/publications/miscPublications/I-R/pdf/06-Ee.pdf>

Dalam konteks Malaysia, hasrat untuk menyebarkan agama Kristian di kalangan orang Melayu khasnya bukanlah perkara baru. Hal ini mempunyai signifikan kerana sebagaimana yang ditegaskan oleh Morrison, tanpa orang Melayu pihak Gereja di sini menampilkan aspek pendatang dan pengaruh asing. Ini juga katanya membawa kepada tidak lengkapnya idea kesatuan manusia di bawah naungan Kristian yang boleh dianggap sebagai kesan psikologi beridentitikan orang luar.<sup>52</sup> Maka tidak hairanlah wujudnya saranan sebagaimana yang dinyatakan oleh Shukor Amin agar pihak gereja turut melebarkan kegiatan misionarinya di kalangan orang Melayu yang jumlahnya adalah sebahagian dari penduduk Malaysia sekalipun wujud halangan dari undang-undang dan juga hasil persaingan dengan Islam untuk memenuhi kehendak Bible.<sup>53</sup> Saranan sebegini mungkin menjadikan imej Kristian pada pandangan masyarakat orang Islam sebagai agen aktif untuk memurtadkan orang Islam.

Meskipun dari segi undang-undang orang Islam dilindungi dari kegiatan misionari tetapi hal itu tetap wujud dalam masyarakat. Hal ini menurut Mahbubul Islam sebagai memenuhi salah satu objektifnya iaitu bagi melemahkan keyakinan dan mengurangkan bilangan orang Islam kerana kedudukannya yang strategik di rantau ini.<sup>54</sup> Lantaran itu, aktiviti-aktiviti itu rancak diagendakan oleh sesetengah sekterian di kalangan Melayu. Kegiatan-kegiatan tersebut sebagaimana yang didakwa oleh Kamal Hasan<sup>55</sup> telah melahirkan secara beransur-ansur bilangan pemeluk agama Kristian yang baru termasuklah dari kalangan orang Islam. Beliau juga memerhatikan salah satu strategi mereka adalah dengan menggunakan Muslim murtad untuk menarik lebih ramai orang keluar Islam. Tambahan pula mereka ini dibantu secara material dan spiritual oleh institusi seperti gereja dan sekolah berdasarkan misionari.<sup>56</sup>

<sup>52</sup> G.E. Morrison (1957), “Islam and the Church in Malaya”, *The Muslim World*, vol. XLVII, no. 4.

<sup>53</sup> Syukor Amin (1982), *op.cit.*

<sup>54</sup> Abm. Mahbubul Islam (2002), *Freedom of Religion in Shari'ah: A Comparative Analysis*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, h. 265.

<sup>55</sup> Professor Kamal Hasan adalah bekas Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau telah membentangkan kertas kerja bertajuk “Christian Penetration in Muslim Area” di International Islamic University of Malaysia dianjurkan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) pada 1987 sebagaimana yang dikutip oleh Mahbubul Islam (2002), *op.cit.*, h. 265.

<sup>56</sup> *Ibid.* Beliau mendakwa: i) seorang Muslim bernama Salleh b. Omar, telah dibabitkan namanya Joseph. Ketika beliau murtad, dia telah mendapat layanan yang baik dari Paderi Father Chon, ii) dianggarkan 200 pemuda telah menyertai Kristian yang diketuai oleh seorang guru Melayu, iii) di Victoria Institute,

Sebagai reaksi kepada aktiviti-aktiviti sedemikian, terdapat ahli Parlimen Muslim Malaysia (khususnya tahun 1980-an) telah meminta kerajaan mengawal kegiatan begini dari terus tersebar di kalangan orang Islam.<sup>57</sup> Bagaimanapun, pada tahun itu ketegangan telah sampai ke kemuncaknya apabila sekumpulan Kristian yang dinamakan Neglected People's Workers cawangan the First Baptist Church in Petaling Jaya telah berjaya memurtadkan tujuh orang Melayu Muslim. Jamaluddin adalah seorang daripada mereka yang menjadi aktivis Kristian telah menganjurkan aktiviti-aktiviti seperti seminar dan perkhemahan sebagai cara memurtadkan mereka.<sup>58</sup>

Sehubungan kes di atas, menurut laporan Kertas Putih, ia telah menaikkan emosi sebahagian besar orang Islam supaya ada tindakan segera bagi mencegah pihak Kristian dari terus menyebarkan dakyahnya kepada orang Islam. Kerajaan yang bertindak atas sebab keselamatan telah menggunakan Internal Security Act (ISA) section 8(1) untuk menahan beberapa orang terdiri dari beberapa kumpulan, baik orang Islam mahupun orang Kristian.<sup>59</sup> Antara mereka adalah Jamaluddin yang ditahan atas alasan kegiatannya telah menimbulkan ketegangan dan menanam rasa permusuhan di kalangan orang Islam dan komuniti yang lain. Hal ini boleh membawa kepada ancaman terhadap keselamatan negara.<sup>60</sup> Bagaimanapun alasan itu tidak sepenuhnya diterima oleh pihak Kristian yang kemudiannya telah bertindak menggesa kerajaan agar membebaskan mereka dengan alasan mengekalkan kebebasan beragama.<sup>61</sup>

---

terdapat 20 pelajar yang telah menukar agamanya ke Kristian antaranya adalah anak menteri, iv) seorang Melayu Muslim yang bernama JD Johnson berjaya memurtadkan 139 Melayu ke Kristian dan memutar belitkan 25 ayat Qur'an, v) bilangan orang Kristian telah meningkat ke angka 8000 di Perak dan Johor Bahru sekitar tahun 1987, vi) gereja di Jalan Gasing, Petaling Jaya Selangor, merupakan tempat utama yang memainkan peranan memurtadkan orang Islam ke Kristian.

<sup>57</sup> Contohnya Senator Rokiah binti Zainuddin Parliamentary Debates, Seventh Parliament, First Session, 4 Dis. 1986, jld.1, bil. 4 in Senate. c.409. Abu Bakar bin Lajim, Haji Ibrahim bin Haji Ujang, Abdul Manap bin Hashim 2129 Parliamentary Debates, Seventh Parliament, First Session, 24 Mac 1987, jld. 1, Bil. 17, cc. 2124-2129.

<sup>58</sup> Kertas Perintah 14, Tahun 1988, Ke Arah Memelihara Keselamatan Negara. Kertas ini telah dibentangkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada tahun 1988.

<sup>59</sup> *Ibid.*

<sup>60</sup> *Ibid.*

<sup>61</sup> Michael Northcott (1992), "Ecumenism and Islamic Resurgence in West Malaysia", *The Asia Journal of Theology* 6, no. 2; T.P (1988), "Detention of Christians in Western Malaysia", *Transformation: An International Journal of Holistic Mission Studies*; 5, 23; <http://trn.sagepub.com/cgi/reprint/5/3/23>, 17 Januari 2010.

Senario-senario begini dan lainnya boleh dikatakan mempunyai potensi menghasilkan suatu suasana persaingan dan pertandingan tidak sihat.<sup>62</sup> Kerajaan dilihat oleh orang Kristian telah melakukan diskriminasi ke atas mereka melalui serentetan undang-undang atau peraturan.<sup>63</sup> Manakala bagi pihak orang Islam pula mereka mendakwa pihak Kristian telah mengkhianati semangat yang ada pada 11(4) Perlumbaan Persekutuan. Hal ini diburukkan lagi dengan penampilan kumpulan-kumpulan pergerakan Kristian karismatik berinspirasikan ‘apocalyptic’,<sup>64</sup> lalu menyebarkan misi Kristiannya dalam bentuk yang agresif terhadap orang lain termasuk orang Islam.<sup>65</sup> Oleh itu, kesan penyebaran itu yang menghasilkan gejala murtad seolah-olah menjadi isu kontroversi yang boleh mencetuskan kesan buruk terhadap hubungan Muslim dan Kristian pada masa kini.

## KESIMPULAN

Misi Kristian mengikut sejarahnya telah sampai di Malaysia lebih dari lima abad lalu. Pada peringkat pertama, kegiatan misionari dikaitkan dengan kekuasaan penjajah, yang diuruskan oleh Paderi Eropah. Umumnya kegiatan ini mendapat restu dari pihak penjajah. Bahkan dalam kes Portugis, tujuan menjajah itu satu darinya adalah untuk melakukan misionari. Ketika di bawah Belanda dan British, sekalipun ekonomi menjadi tujuan utama tetapi ruang untuk misionari

<sup>62</sup> Lihat Olaf Schumann (1991), “Christians and Muslims in Search of Common Ground in Malaysia”, *Islam and Christian-Muslim Relations*, 2, no. 2; Peter G. Riddell (2008), “Varieties of Christian-Muslim Encounter in Malaysia”, dalam Anthony O’Mahony dan Emma Loosley (eds.), *Christian Responses to Islam: Muslim-Christian Relations in the Modern World*. Manchester: Manchester University Press.

<sup>63</sup> Contohnya panduan untuk perancangan tempat-tempat ibadat dan peraturan menggunakan sebahagian perkataan berunsur Islam melalui peruntukan enakmen negeri. Peter G. Riddell (2005), “Islamization, Civil Society and Religious Minorities in Malaysia”, dalam K.S. Nathan dan Mohammad Hashim Kamali (eds.), *Islam in Southeast Asia: Political, Social and Strategic Challenges for the 21st Century*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, hh. 167-168.

<sup>64</sup> Menurut Northcott, pergerakan ini dimotivasi untuk persediaan kemungkinan hari terakhir bagi sejarah manusia (kiamat) dan juga menunggu turunnya Christ. Oleh itu mereka merasa bertanggungjawab untuk menyelamatkan semua bangsa sebelum tibanya hari tersebut. Lihat Michael Northcott (1990), “A Survey of the Rise of Charismatic Christianity in Malaysia”, *The Asia Journal of Theology*, 4, no. 1, h. 273.

<sup>65</sup> *Ibid.*

tetap terbuka luas. Pihak British bagaimanapun telah meluluskan suatu polisi yang menyekat penyebaran agama di kalangan orang Islam. Kemudian, bentuk sekatan begini telah dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan seperti yang ada pada hari ini atas alasan antara lainnya adalah untuk keselamatan.

Kewujudan sekatan ini boleh dikatakan mengganggu *spirit* Bible yang mengarahkan penganut Kristian untuk meyakinkan orang bukan Kristian untuk menjadi pengikutnya sebagai mematuhi arahan Tuhan. Hal ini secara tidak langsung menghasilkan dilema kepada pengikut Kristian. Secara teorinya, sebahagian daripada mereka menganjurkan undang-undang buatan manusia itu dipatuhi. Tetapi pada paras praktikalnya, ianya tidak menghalang sebahagian kelompok Kristian dari melakukan kegiatan misionari sekalipun sedar akan kewujudan undang-undang yang menyekat itu.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Bari (2003), *Malaysian Constitution: A Critical Introduction*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Abm. Mahbubul Islam (2002), *Freedom of Religion in Shari'ah: A Comparative Analysis*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Andrew Harding (1996), *Law, Government and the Constitution in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
- Anil Stephen (2001), “Malaysia: Muslim Leader Appeals to Evangelicals”, *Christianity Today*, <http://www.christianitytoday.com>, diakses pada 11 Februari 2010.
- Arthur F. Glasser (2000), “Biblical Theology of Mission”, dalam A. Scott Moreau (ed.) *Evangelical Dictionary of World Missions*, Michigan: Baker Books.
- Batumalai Sadayandy (1990), *A Malaysian Theology of Muhibbah: A Theology for a Christian Witnessing in Malaysia*. Kuala Lumpur.
- G.E. Garrison (1957), “Islam and the Church in Malaya”, *The Muslim World*, vol. XLVII, no. 4.
- Gordon P. Means (1985-1986), “The Orang Asli: Aboriginal Policies in Malaysia”, *Pacific Affairs* 58, no. 4.
- Kenneth Scott Latourette (1947), *A History of the Expansion of Christianity*, vol. vii. London: Eyre & Spottiswoode.
- Kamal Hasan (1987), “Christian Penetration in Muslim Area”, (Kertas Kerja Seminar di International Islamic University of Malaysia dianjurkan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)

- Kevin YI Tan & Thio Li-Ann (1997), *Constitutional Law in Malaysia and Singapore*, 2 ed. Singapore: Butterworths Asia.
- Laurence E. Browne (1936), *Christianity and the Malays*. London: S.P.G & S.P.C.K.
- Maria Perpetua Kana (2004), “Christian Mission in Malaysia: Past Emphasis, Present Engagement and Future Possibilities”, (Master of Philosophy, Australian Catholic University).
- Maureen K.C Chew (2000), *The Journey of the Catholic Church in Malaysia, 1511-1996*. Kuala Lumpur: Catholic Research Centre.
- Michael Northcott (1992), “Ecumenism and Islamic Resurgence in West Malaysia”, *The Asia Journal of Theology* 6, no. 2.
- Micheal S. Northcott (1991), “Christian-Muslim Relations in West Malaysia”, *The Muslim World*, Vol.81, no. 1.
- Mohamad Zaidi Abdul Rahman (2008), “Impact of Religious Rights policy under the Colonial Powers toward Umma in Malaysian Context”, (International Seminar on Research in Islamic Studies 2008, di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 17-18 Disember 2008).
- Mohammad Redzuan Othman (2005), *Islam dan Masyarakat Melayu; Peranan Dan Pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd. Salleh bin Abbas (1986), “Traditional Elements of the Malaysian Constitution”, dalam F.A. Trindade & H. P. Lee (eds.), *The Constitution of Malaysia: Further Perspective and Development*. Singapore: Oxford University Press.
- Ng Kam Weng (2004), *Doing the Right Thing: A Practical Guide on Legal Matters for Churches in Malaysia*. Petaling Jaya: Kairos Research Centre Sdn. Bhd.
- Olaf Schumann (1991), “Christians and Muslims in Search of Common Ground in Malaysia”, *Islam and Christian-Muslim Relations*, no. 2.
- Peter G. Riddell (2005), “Islamization, Civil Society and Religious Minorities in Malaysia”, dalam K.S. Nathan & Mohammad Hashim Kamali (eds.), *Islam in Southeast Asia: Political, Social and Strategies Challenges for the 21st Century*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Peter G. Riddell (2008), “Varieties of Christian-Muslim Encounter in Malaysia”, dalam Anthony O’Mahony & Emma Loosley (eds.), *Christian Responses to Islam: Muslim-Christian Relations in the Modern World*. Manchester: Manchester University Press.

- R.H. Hickling (1991), *Essays in Malaysian Law*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Shad Saleem Faruqi (1992), “The Human Rights and Constitutional Perspective”, *INSAF XXI*, no. 1.
- Shad Saleem Faruqi (t.t), “Constitutional Perspectives on Freedom of Religion, Secularism and Theocracy”, dalam Ibrahim Abu Shah (ed), *Islam, Democracy and Good Governance-The Malaysian Experience; Essays in Honour of Tun Dr. Mahathir Mohamad*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.
- Susan E. Ackerman (1993), “Rebuilding Sacred Worlds: Lay-Oriented Buddhist and Catholic Reformism in Malaysia”, *Sojourn*, 8, no. 1.
- Susan E. Ackerman & Raymond L.M. Lee (1988), *Heaven in Transition: Non-Muslim Religious Innovation and Ethnic Identity in Malaysia*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Syukor Amin (1982), *Are Christians Ignoring the Malays?*. Leicester: Universities and Colleges Christian Fellowship.
- T.P (1998), “Detention of Christians in Western Malaysia”, *Transformation: An International Journal of Holistic Mission Studies* ; 5; 23.
- Tan Chee Khoon (1985), “Constitutional Provisions for Religious Freedom in Malaysia”, dalam Tunku Abdul Rahman Putra, *et al*(eds.), *Contemporary Issues on Malaysian Religions*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Theodore Gabriel (1996), *Christian-Muslim Relations: A Case Study of Sarawak, East Malaysia*. Aldershot: Avebury.
- Theresa E.E (1984), “The Multi-ethnic Complexities of Malaysia”, dalam *Inter-Religio*, diakses <http://www.nanzan-u.ac.jp/SHUBUNKEN/publications/miscPublications/I-R/pdf/06-Ee.pdf>.
- Wong Kim Kong (2000), “The Church of Jesus Christ in Asia-Challenges and Responses”, dalam Edmund Ng, Tan Jin Huat & Wong Kim Kong (eds), *Watchmen's Forum 2*. Petaling Jaya: NECF Research Commission.
- Wu Min Aun & R.H. Hickling (2003), *Hickling's Malaysian Public Law*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia.

